

Rujukan Kami (Our Ref): UMP.03.01/10.12/3 (22)  
Tarikh: 15 Januari 2021

Semua Dekan/ Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.

YBhg. Prof. Dato'/ Prof./ Prof. Madya/ Dr./Tuan/ Puan,

**EDARAN SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2021  
KAEDAH PELAKSANAAN BAYARAN ELAUN MOTOSIKAL DI UNIVERSITI  
MALAYSIA PAHANG**


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2021 Kaedah Pelaksanaan Bayaran Elaun Motosikal Di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan YBhg. Prof. Dato'/ Prof./ Prof. Madya/ Dr./Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ZAINUDIN BIN OTHMAN)**  
Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan (CFO)  
Universiti Malaysia Pahang

## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2021**

Semua Dekan/Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

Prof. Dato'/ Prof. / Prof Madya/ Tuan/ Puan,

### **KAEDAH PELAKSANAAN BAYARAN ELAUN MOTOSIKAL DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan tentang kaedah pelaksanaan bayaran elaun motosikal di Universiti Malaysia Pahang.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) kali ke 46 Bil. 4/2020 telah meluluskan bayaran secara bayaran terus Elaun Motosikal kepada Pembantu Operasi (PO) dan Pengawal Keselamatan di Universiti Malaysia Pahang (UMP) mulai 1 Januari 2021;
- 2.2 Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 dan Pekeliling Bendahari Bil. 7 Tahun 2014 telah menjelaskan Elaun Motosikal diwujudkan dengan kadar dan syarat seperti berikut:
  - (a) Pegawai yang menggunakan motosikal sendiri semasa bertugas rasmi 12 hari atau lebih dalam sebulan boleh menuntut Elaun Motosikal

sebanyak RM120 sebulan atau menggunakan kadar Elaun Perjalanan Kenderaan mengikut mana yang lebih tinggi; dan

- (b) Pegawai yang menggunakan motosikal sendiri semasa bertugas rasmi kurang daripada 12 hari hendaklah membuat tuntutan mengikut kadar Elaun Perjalanan Kenderaan yang sedang berkuat kuasa.

2.3 Universiti dikehendaki menyediakan garis panduan dalaman yang sesuai di UMP sebagai satu bentuk kawalan bagi mengelakkan pembaziran sementara Pegawai adalah bertanggungjawab memastikan bayaran elaun motosikal adalah teratur, munasabah, berpatutan dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa;

2.4 Adalah diharapkan pembayaran terus elaun motosikal dapat meningkatkan kesejahteraan, motivasi serta produktiviti Pegawai dalam mengimbangi kos bahan api dan penyelenggaraan kenderaan dalam melaksanakan tugas rasmi di dalam atau di luar kampus dan pengesahan daripada Ketua Jabatan hendaklah dijadikan mekanisma pemantauan.

### **3.0 KAEDAH PELAKSANAAN BAYARAN ELAUN MOTOSIKAL**

3.1 Selaras dengan keputusan Mesyuarat JTK, bayaran secara bayaran terus Elaun Motosikal sebanyak RM120.00 (Ringgit Malaysia Seratus Dua Puluh Sahaja) setiap bulan kepada Pembantu Operasi (PO) dan Pengawal Keselamatan boleh dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Ketua Jabatan mengesahkan arahan bayaran terus dalam format yang disediakan dan Pegawai tidak perlu dibuat tuntutan elaun perbatuan;
- (ii) Ketua Jabatan hendaklah memastikan arahan bayaran terus disahkan dan mematuhi syarat-syarat berikut:
  - (a) Pegawai melaksanakan skop tugas penghantaran surat atau skop tugas rondaan dalam bulan berkenaan;
  - (b) Pegawai menggunakan motosikal sendiri semasa bertugas rasmi 12 hari atau lebih dalam sebulan;
  - (c) Arahan kerja/*Work order* diluluskan dalam e-Community;
  - (d) Pegawai tidak menggunakan kenderaan Jabatan;


- (e) Peruntukan adalah mencukupi; dan
- (f) Pegawai mempunyai lesen memandu yang sah.
- 3.2 Ketua Jabatan boleh mengesahkan bayaran terus Elaun Motosikal kepada pegawai yang menggunakan motosikal sendiri semasa bertugas rasmi kurang daripada 12 hari, tetapi hendaklah menunjukkan perkiraan yang betul;
- 3.3 Sekiranya Elaun Perjalanan Kenderaan lebih tinggi, Ketua Jabatan boleh membenarkan pegawai untuk memilih dan menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- 3.4 Arahan bayaran terus hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pembayaran, Jabatan Bendahari setiap bulan;
- 3.5 Pekeliling Bendahari Bil. 7 Tahun 2014 dan Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 yang dikemaskini dari semasa ke semasa hendaklah dipatuhi.

#### **4.0 TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan amanah,



**ZAINUDIN BIN OTHMAN**

Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan (CFO)  
Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 15 Januari 2021

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
  - Ketua Pustakawan
  - Penasihat Undang-Undang

## ARAHAN BAYARAN ELAUN MOTOSIKAL UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Surat Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2021

**Bulan/Tahun Tuntutan :**

**Kod Jabatan:**

**Nama Jabatan:**

**Senarai Pegawai Yang Layak Bayaran Elaun Motosikal:**

Bil	Nama Pegawai	No ID	Gred/Jawatan	No. Pendaftaran Kenderaan	Jumlah Elaun Motosikal
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					
7.					
8.					
9.					
10.					

### PENGESAHAN DAN KELULUSAN KETUA JABATAN

Saya **mengesahkan dan meluluskan** arahan bayaran elaun motosikal kepada pegawai-pegawai di atas dan mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2021 : Kaedah Pelaksanaan Bayaran Elaun Motosikal Di Universiti Malaysia Pahang.

**Tandatangan Ketua Jabatan :** .....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :